

Sukan

ANUGERAH SPEXSCHOLARSHIP

Aisyah jadi pendayung pertama antara 17 penerima baru



MAMPU SUMBANG PINGAT: Nurul Suhaila Saiful dan Sheik Farhan Sheik Alau'ddin merupakan antara penerima baru SpexScholarship dan antara lapan atlit Melayu/Islam yang dipilih menerima anugerah tersebut. - Foto TUKIMAN WARJI

Peserta program kini seramai 72 atlit daripada 16 cabang sukan

► **ZAINAL JAMARI**
jaz@sph.com.sg

PEMENANG gangsa acara dayung Sukan SEA yang lalu, Sayidah Aisyah Mohamed Rafa'ee, merupakan antara 17 muka baru yang menerima anugerah SpexScholarship dari Menteri Kebudayaan, Masyarakat dan Belia (MCCY), Cik Grace Fu, semalam.

Bagaimanapun, memandangkan beliau sedang berlatih di Sydney, adik lelakinya, Sya-

hir Ezekiel, telah menerima anugerah tersebut bagi pihaknya.

Aisyah bukan sekadar muka baru dalam program ini, bahkan inilah kali pertama sukan dayung disertakan dalam program yang mengiktiraf atlit yang mampu memenangi pingat atau berpotensi memenangi pingat di peringkat antarabangsa seperti Sukan Asia dan Olimpik.

Selain sukan dayung, satu lagi cabang sukan yang pertama kali disertakan selepas tiga tahun program itu dilaksanakan ialah atletik yang diwakili oleh pemenang emas acara 200 meter wanita di Sukan SEA yang lalu, Shanti Pereira.

Seramai 17 muka baru yang disertakan dalam program tersebut menjadikan jumlah atlit yang menyertai program itu kepada 72 orang.

Seramai 72 penerima tersebut mewakili 16 cabang sukan termasuk silat.

Dalam ucapannya, Cik Fu - yang juga merupakan Pengerusi, Jawatankuasa Pemandu, High Performance Sport (HPS) - berkata:

"SpexScholarship adalah sebahagian daripada usaha sepadu untuk menyokong para atlit kita yang mahu ke puncak kecemerlangan sukan, dan telah menunjukkan kekuatan fizikal dan emosi untuk melakukannya.

"Ramai di antara kita telah menyaksikan sendiri para atlit elit kita beraksi dalam Sukan SEA dan Sukan Para Asean yang baru berlalu. Kita telah menyaksikan sendiri bagaimana persembahan mereka telah memberikan inspirasi untuk rakyat Singapura yang lain."

Sesungguhnya, SpexScholarship telah



SAYIDAH AISYAH MOHAMED RAFA'EE: Pendayung negara ini bukan sahaja penerima baru bahkan menjadi pendayung pertama memenangi anugerah SpexScholarship.

banyak memberi sumbangan pada kejayaan kesukanan negara ini dan satu kumpulan penerima telah mencatat banyak mercutanda pada tahun lalu.

Antara mereka ialah pemain bowling Shayna Ng, yang menjadi atlit pertama Singapura memenangi pingat emas di Kejohanan Dunia; pendayung kayak Stephenie Chen, yang memenangi pingat pertama untuk acara kayak perseorangan wanita di Kejohanan Pecut Kanu Asia; perenang Yip Pin Xiu yang mencipta rekod dunia baru dalam acara 50 Kuak Lentang kategori S2 di Sukan Para Asean Ke-8; perenang Joseph Schooling yang memenangi pingat pertama Singapura di Kejohanan Dunia Fina; dan peserta kapal layar Colin Cheng yang memenangi Piala Dunia Isaf.

Selain itu, lebih 20 penerima SpexScholarship sama ada telah melayakkan diri atau sedang berusaha melayakkan diri ke Sukan Olimpik Rio dan Sukan Paralimpik.

Ini termasuklah Aisyah yang sedang gigih berlatih di Sydney, Australia.

Institut Sukan Singapura (SSI) telah menerima 103 pencalonan dan memilih 39 untuk ditemuduga tahun ini. Selepas temu duga itu, Jawatankuasa Kecil Pemilihan dan Persembahan HPS dan Jawatankuasa Pemandu HPS menyenarai pendek calon yang dipilih sebelum menyiapkan senarai muktamad penerima SpexScholarship.

Empat pesilat negara dipilih terima biasiswa

SERAMAI empat pesilat negara merupakan antara 72 penerima anugerah SpexScholarship yang masuk tahun ketiga.

Mereka ialah juara dunia, Muhammad Shakir Juanda; pemenang emas Sukan SEA 2015, Muhammad Nur Alfian Juma'en; juara dunia, Sheik Farhan Sheik Alau'ddin; dan pemenang gangsa Sukan SEA yang lalu, Nurul Suhaila Saiful.

Sedang Shakir dan Nur Alfian merupakan penerima SpexScholarship yang lalu, Sheik Farhan dan Nurul Suhaila pula adalah penerima baru.

Semua sekali terdapat lapan penerima SpexScholarship Melayu/Islam.

Mereka terdiri daripada Muhammad Syaheenul Aiman Nasiman (kanu); Nurulasyiqah Mohammad Taha (sukan orang kurang upaya - boccia); Sayidah Aisyah Mohamed Rafa'ee (dayung); Shakir, Nur Alfian, Sheik Farhan, Nurul Suhaila (silat); dan Nur Marina Chan Alif Abdullah (renang).

Tiga lagi atlit Melayu/Islam yang telah pun menamatkan program mereka ialah Muhammad Jaris Goh (bowling); Mohamed Ismail Hussain (sukan orang kurang upaya - bowling) dan Muhammad Iqbal Abdul Rahman (silat).

Anugerah SpexScholarship kini memasuki tahun ketiga dan merupakan sebahagian daripada program lima tahun untuk membantu atlit setempat yang mahu mendaki ke puncak kecemerlangan sukan.

Pada keseluruhannya, penerima SpexScholarship telah menunjukkan pencapaian yang baik dalam sukan-sukan utama.

Dalam Sukan Komonwel 2014, peratusan pingat Team Singapore yang dimenangi atlit di bawah program ini ialah 76.5 peratus; Sukan Asia 2014, 62.5 peratus; Sukan SEA 2015, 30 peratus; dan Sukan Para Asean 2015, 21 peratus. - ZAINAL JAMARI